

09 AUG 2000

Samy-Tol

KABINET SETUJU TURUNKAN KADAR TOL DI DUA LEBUH RAYA

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Kabinet hari ini bersetuju pada dasarnya untuk menurunkan kadar tol di lebuhraya Seremban-Port Dickson dan lebuhraya Butterworth-Kulim, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata, kuantumnya bagaimanapun akan diputuskan minggu depan.

"Saya telah diminta menghantar kertas kerja mengenai syor-syor dan jumlah pampasan yang perlu kita tambah, untuk pertimbangan dan persetujuan kabinet," katanya kepada pemberita selepas lawatan anggota Kabinet ke Menara Kembar Petronas di sini.

Lawatan yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, berlangsung kira-kira tiga jam.

Samy Vellu berkata, jika Kabinet bersetuju dengan kadar baru pada minggu depan, ia akan hanya dapat dikuatkuasakan kira-kira dua minggu kemudian kerana kadar baru itu perlu diwartakan terlebih dahulu.

Beliau berkata, kementerian akan mencadangkan satu kadar baru yang lebih munasabah dan boleh diterima oleh rakyat tetapi penurunan kadar tol itu akan melibatkan bayaran pampasan oleh kerajaan kepada syarikat pemegang konsesi.

Misalnya, katanya, kerajaan pada masa ini membayar pampasan berjumlah RM1.2 juta kepada syarikat konsesi lebuhraya Seremban-Port Dickson kerana tidak membenarkan kenaikan tol bagi lebuhraya itu pada 1 Jan lepas.

Samy Vellu berkata, beliau membawa soal kadar tol di kedua-dua lebuhraya itu pada mesyuarat Kabinet hari ini ekoran aduan pengguna mengenai kadarnya yang dikatakan tinggi.

Pertimbangan untuk kajian semula kadar tol bagi kedua-dua lebuhraya itu juga mengambil kira masalah yang sedang dihadapi oleh syarikat-syarikat pemegang konsesi, katanya.

Kementerian Kerja Raya sebelum ini telah mengumumkan bahawa pengguna dikenakan bayaran tol RM2.60 bagi penggunaan lebuhraya Seremban-Port Dickson mulai 4 Ogos lepas, naik 50 sen berbanding kadar sebelumnya.

Pengguna lebuhraya Butterworth-Kulim kini membayar tol berjumlah RM2.10 -- RM1.10 di plaza tol Butterworth dan RM1 di plaza tol Kulim.

-- BERNAMA

AFY AHH NMO